

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti apakah masalah-masalah akhlak yang sering dilakukan oleh para remaja di Gugusan FELDA Ulu Belitong, Kluang, Johor. Selain itu, penulis juga cuba mencungkil faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya salahlaku akhlak di FELDA berkenaan. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 120 orang remaja dalam lingkungan umur 13 hingga 23 tahun. Hasil kajian pula dianalisis secara manual.

Daripada kajian ini penulis mendapati ramai remaja sekolah lelaki yang rendah pencapaian akademiknya terlibat dalam pelbagai masalah akhlak yang ringan seperti ponteng sekolah, berfoya-foya dan melepak di bandar. Jenayah-jenayah yang berat seperti berjudi, minum arak dan penagihan dadah pula banyak dilakukan oleh remaja yang menganggur dan sudah bekerja. Antara faktor yang mendorong remaja terlibat dalam gejala ialah kerana kesibukan ibu bapa bekerja menyebabkan berlakunya pengabaian kasih sayang, kurang komunikasi dan kurang penekanan ilmu agama. Selain itu, contoh negatif daripada ibu bapa dan ahli keluarga, pengaruh rakan sebaya dan media massa turut menjadi penyumbang kepada berlakunya salahlaku berkenaan. Antara pendekatan yang dikenalpasti sesuai dan berkesan untuk diaplikasikan bagi membangunkan akhlak pelajar terutamanya dari sudut kejiwaan ialah pendekatan melalui teladan dan nasihat yang baik, galakan dan pujian, latihan yang berterusan dan juga hukuman yang sepatutnya.

ABSTRACT

This research paper is intended to identify the juvenile problem among the youth at Gugusan Felda Ulu Belitong, Kluang Johor. Apart from that, the writer will also attempt to disclose all the factors that bring about this juvenile problem. For research purposes a sample of 120 youth age 13 to 25 are being taken and the result of this research are being analyze manually.

Among the findings of this research can be categories into 5 major group. The first one represent youth that involves in minor juvenile offenses such as not attending school classes and lofiting in the nearby town or city without purposes. Second, represent the serious criminal offenses such as gambling, drugs and alcohol are committed by youth who already work or left school for good. Standard of living would make up the third factor that led to this juvenile problem. Most FELDA settler are low income earners, to bare the fact that most parents have to work hard to earn money for their famil. They actually has left the responsibility to give moral guidance to their young children especially their teenagers. As the result this-young FELDA generation are lack in religion thought and relationship with their other family members. It is not denied, other factors such as peer and family negative influence and the media influence also contribute to this increasingly intense problem. As a conclusion there is several method that can be adopted to overcome such problems such as counseling session, moral incentives and finally reasonable punishment for the offenders.